



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**info @ UTM IPF**

Institusi Pembangunan Felo UTM



Edisi 3/2015



<http://www.utm.my/ipf>



Institusi Pembangunan Felo (IPF) UTM

**MENARIK EDISI INI**

- Minggu Mesra Mahasiswa
- Pendakian Gunung Pulau
- Program Berbasikal bersama Naib Canselor
- Jamuan Raya IPF
- Jerebu - Nasihat Kesihatan

**SIDANG REDAKSI**

**Ketua Editor:**

En. Azizul bin Azman

**Jurugambar:**

En. Hadafi Fitri bin Mohd Latiff  
En. Nor Mohd Afif bin Osman

**Wartawan:**

Dr. Rabia Bakhteri  
Pn. Siti Aishah binti Abdul Hamid  
Pn. Nurul Na'immah binti Hamdan  
Pn. A. Rafidah binti A. Mohd Yunos  
En. Mohd Fadthul Ikmal bin Misnal

**Pereka Grafik:**

En. Mohammed bin Mohd Hasni  
Dr. Nor Fasiha binti Mohd Yusof  
Dr. Noorfa Haszlina bte Mustaffa

**Tugas-tugas Khas:**

Cik Siti Marsilawati binti Mohamed Esivan

**FAKTA NOMBOR**

Mahasiswa baru Prasiswazah

**2408**

Purata CGPA

**3.73**

# UTM terima 2,458 orang mahasiswa Prasiswazah!



Pada 1 September 2015, UTM telah menerima seramai 2,408 orang mahasiswa baru yang mendaftar bagi sesi 2015/2016. Antara Kolej yang terlibat dengan sesi pendaftaran mahasiswa baru pada kali ini ialah Kolej Rahman Putra, Kolej Tun Fatimah, Kolej Tun Razak, Kolej Tun Hussein Onn, Kolej Tun Dr. Ismail, Kolej Tuanku Canselor, Kolej Perdana dan Kolej 9/10. Semua mahasiswa yang mendaftar diwajibkan untuk mengikuti Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) yang dibimbing oleh krew-krew mahasiswa yang telah mengikuti kursus oleh Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA). Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang 3 hari program MMM tersebut seperti Majlis bersama Naib Canselor, Forum 1 Malaysia, Taklimat Kewangan, Program bersama Tetamu Pilihan UTM, Sukan MMM dan Majlis Amanat bersama Menteri Besar Johor.



## TAHNIHAH!!!



En. Shamsul Azli bin Shamsuray  
Kenaikan Pangkat ke Gred N44

### PENDAKIAN SANTAI HUTAN LIPUR GUNUNG PULAI



Pada 16 September 2015 yang lalu bersempena dengan cuti Hari Malaysia dan Sambutan 30 Tahun UTM bersama Johor, Biro Sukan IPF dengan Kerjasama Outdoor & Photographers Club (OPC) dan SriKandi Hasil Johor Bahru dari LHDN telah mengadakan aktiviti pendakian santai ke Hutan Lipur Gunung Pulai. Aktiviti ini telah disertai oleh 63 orang peserta yang terdiri daripada staf UTM dan LHDN serta kumpulan rekreasi luar. Aktiviti ini telah dimulakan dengan Sesi taklimat oleh En. Roslan bin Abd Ghani mengenai tips-tips pendakian. Pendakian dimulakan pada jam 8.50 pagi selepas pembahagian kumpulan mengikut tahap dan kesesuaian peserta. Peserta terakhir sampai di puncak Gunung Pulai ialah pada jam 12.30 tengahari dan diakhiri dengan sesi mengambil gambar bersama bendera Malaysia dan Kelab masing-masing.

## JEREBU NASIHAT KESIHATAN

**LAKUKAN****ELAKKAN**

AKTIVITI DALAM RUMAH

MEROKOK

MINUM AIR KOSONG

SEKURANG-KURANGNYA

LAPAN GELAS SEHARI

BASUH TANGAN,

BUKA DAN MANDI

SELEPAS AKTIVITI

LUAR

MEMAKAI ALAT

LINDUNG DIRI (MASK)

JAGA KEBERSIHAN

DALAM RUMAH

DAPATKAN NASIHAT

DOKTOR



Unit Kesihatan Alam Sekitar  
Bahagian Kesihatan Masyarakat  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



## Program Berbasikal bersama Naib Canselor



Institusi Pembangunan Felo UTM telah mengadakan program berbasikal bersama Naib Canselor, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar pada 26 Ogos 2015 di sekitar UTM. Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Biro Sukan IPF yang diketuai oleh En. Roslan bin Abd Ghani. Program ini juga telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan universiti dan staf UTM. Program ini bermula pada jam 5.30 petang di Foyer Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim. Para peserta telah dibawa melawat ke kawasan yang dilalui seperti Taman Rekreasi Fakulti Pendidikan, Kolej Kediaman Tun Ghafar Baba, dan berakhir di Arked Lestari Kolej 9. Program ini telah berakhir pada jam 6.30 petang dan diakhiri dengan sesi mengambil gambar beramai-ramai.

## JAMUAN RAYA IPF 2015 TERBAIK!

Biro Kerohanian IPF yang diketuai oleh En. Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad telah berjaya menganjurkan Jamuan Raya IPF bagi tahun 2015. Jamuan ini telah diadakan pada 10 Ogos 2015 di Kolej Tun Razak. Jamuan ini berkonsepkan "Pot Luck" yang mana setiap kolej telah ditetapkan untuk membawa makanan-makanan yang telah dipersetujui melalui mesyuarat Jawatankuasa IPF. Jamuan telah dimulakan pada jam 8.00 malam dengan ucapan dari Pengerusi IPF, Prof. Madya Dr. Johari bin Sihes. Majlis diteruskan dengan bacaan selawat yang dibimbing oleh Ustaz Mohamad Firdaus bin Pazim @ Padzim dari Pusat Islam UTM. Jamuan ini telah disertai oleh lebih 70 buah keluarga yang terdiri daripada warga IPF. Program telah berakhir pada jam 10.00 malam dengan sesi mengambil gambar beramai-ramai pada semua yang hadir.

